NUTP CAWANGAN JOHOR
Wisma KPPK, 1-11, Jalan Indah 2, Tmn Indah,
Sungai Abong, 84000 Muar, Johor.
Tel : 06-9512030

NOTIS MESYUARAT
AGUNG TRITAHUNAN
KALI YANG KE-24

1 Januari 2026

PENGUMUMAN

Kepada :
Semua Ahli
KPPK Cawangan Johor

Melalui :
Semua Wakil Sekolah

Saudara/Saudari

PERATURAN PENCALONAN

Notis adalah diberi bahawa Mesyurat Agung Tritahunan Ke-24 NUTP Cawangan Johor akan diadakan pada hari 6 Jun 2026 (Sabtu), Jam 8.00 pagi di Hotel Classic, Muar, Johor.

Pencalonan untuk berkhidmat dalam Jawatankuasa NUTP Cawangan Johor dan Ibupejabat dibuka dan Pencalonan mesti dibuat dengan menggunakan borang-borang yang dikeluarkan oleh NUTP Cawangan Johor.

Borang Pencalonan ini mesti ditandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong yang merupakan ahli-ahli berhak dan mesti mengandungi izin berlafaz calon bertanding itu seperti yang dikehendaki menurut peraturan 31(3) KPPK. Majlis Cawangan berhak menolak sebarang borang pencalonan yang pada pendapatnya tidak diisikan dengan sempurna atau dicadang/disokong oleh ahli-ahli yang tidak berfaedah / bukan ahli.

Borang-borang pencalonan seperti di atas boleh didapati terus daripada Setiausaha cawangan NUTP Cawangan Johor atas permintaan. Semua borang pencalonan yang disempurnakan mesti sampai ke pejabat NUTP cawangan Johor sebelum jam 5.00 petang pada 6 Februari 2026 (Jumaat). Borang pencalonan yang diterima lewat daripada tarikh ini tidak akan dilayan. Ahli-ahli dinasihatkan menghantar semua surat mengenai urusan ini dengan pos berdaftar.

Usul-usul untuk dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Tritahunan juga harus disampaikan kepada Pejabat NUTP Cawangan Johor sebelum 20 Februari 2026 (Jumaat).

Yang menjalankan tugas,

(TAN YING SHAN)
Setiausaha Cawangan,
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan
Kebangsaan, Cawangan Johor.

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tritahunan NUTP Cawangan Johor akan diadakan pada hari 6 Jun 2026 (Sabtu) mulai jam 8.00 pagi di Hotel Classic, Muar, Johor.

Atur Cara Majlis

8.00 pagi Pendaftaran
8.50 pagi Tamat Pendaftaran
8.55 pagi Ketibaan Tetamu Kehormat
9.00 pagi Ucapan Pengerusi NUTP Caw Johor
Ucapan Perasmian
10.00 pagi Rehat
10.30 pagi Mesyurat Agung Tritahunan ke-24 NUTP Cawangan Johor bermula.

AGENDA

1. Pemilihan Pemeriksa Undi.
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tritahunan Kali Ke-23.
3. Membentang dan meluluskan Laporan Tritahunan 2023-2026.
4. Menerima dan meluluskan :-
   a. Penyata Kira-kira bagi tahun berakhir pada 1 April 2023 sehingga 31 Mac 2026.
   b. Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2026-2029.
5. Menimbang dan meluluskan :-
   a. Usul-usul daripada Jawatankuasa.
   b. Usul-usul daripada ahli-ahli.
   c. Cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kesatuan.
   d. Bayaran Saguhati.
6. Melantik Pemegang Amanah Cawangan.
7. Melantik Dua orang Juruaudit Dalam.
8. Membincangkan dan mengambil keputusan atas lain-lain perkara yang telah diberi notis dan dihantar kepada Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya seminggu (tujuh hari) sebelum hari Mesyuarat Agung.
9. Pengumuman keputusan Pilihan Cawangan.
10. Ucapan Penangguhan.

Untuk dan bagi pihak Majlis Cawangan,

(TAN YING SHAN)
Setiausaha Cawangan,
Kesatuan Perkhidmatan Perguruan
Kebangsaan, Cawangan Johor.